

**Muhammad Faris (kanan)**  
menyediakan cendol kepada tetamu pada Majlis Apresiasi Program Siswapreneur 2017 di UPM.



**Muhammad Faris Jaafar**

# Muhammad Faris kini ‘tauke’ cendol

**Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak**  
meor.ahmad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bermula dengan sekadar suka-suka mencebur ke bidang perniagaan, Muhammad Faris Jaafar, 25, kini mempunyai tiga gerai cendol miliknya sendiri, iaitu Serdang Cendol.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem Universiti Putra Malaysia (UPM) itu,

mula mengorak langkah dalam dunia perniagaan pada tahun 2015 dengan menyewa tapak pesta konvoesyen.

Beliau berminat untuk bermula dengan sekadar suka-suka mencebur ke bidang perniagaan yang mudah adalah makanan kerana ia sentiasa mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat, apakah lagi cendol tidak ada dijual di UPM ketika itu.

“Saya masih dalam tempoh percubaan dan sekiranya berjaya, saya merancang membuka beberapa gerai di kampus hasil kolabo-

rasi dengan fakulti dan kolej di UPM,” katanya ketika ditemui BH Varsiti, baru-baru ini.

#### Secara francais

Hasil perniagaan menggalakkan itu, beliau mula mengorak langkah mengadakan kerjasama dengan stesen minyak SHELL di Serdang, untuk membuka gerai secara francais di kawasan berkenaan.

“Saya masih dalam tempoh percubaan dan sekiranya berjaya, saya merancang membuka beberapa

lagi cawangan pada stesen minyak SHELL sekitar Lembah Klang,” katanya.

Antara menu cendol yang dijual adalah cendol biasa, cendol kacang, jagung, ais krim, durian dan pulut.

Beliau berkata, meskipun mahasiswa mempunyai dana pembiayaan pengajian daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mereka harus mengambil peluang untuk menjana pendapatan sendiri.

“Pelajar harus menggunakan peluang dan masa yang

ada untuk mencari duit sendiri dengan tidak terlalu bergantung kepada universiti dan ibu bapa untuk menara kehidupan sepanjang pengajian,” katanya.

Pada masa sama, Muhammad Faris berkata, mahasiswa perlu pandai membahagikan masa antara pembelajaran dan perniagaan agar sentiasa seimbang.

“Perniagaan tidak menganggu pengajian saya kerana rakan lain banyak membantu dari segi tugas yang diberikan oleh pensyarah,” katanya.

info

- Harga cendol antara RM3.90 hingga RM7.90
- RM3,000 keuntungan untuk satu gerai miliknya
- Mempunyai tiga gerai cendol masing-masing dua di kampus dan satu di stesen minyak SHELL Serdang